



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

STPM 2024

Disempurnakan Oleh

**YBhg. Profesor Dato' Dr.
Md Amin bin Md Taff**

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia
Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris



24 JUN 2025 | SELASA
27 ZULHIJAH 1446H
Menjana Pentaksiran Jitu



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2024**

oleh

**YBHG. PROFESOR DATO' DR. MD AMIN BIN MD TAFF
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)
yang juga
NAIB CANSELOR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Bilangan Calon

1. Sukacita saya, sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan **STPM 2024** adalah seramai **42,861** calon berbanding **42,908** calon yang mendaftar **STPM 2023**.

2. Daripada 42,861 calon yang mendaftar, sebanyak **96.67 peratus** atau **41,434** calon telah hadir untuk menduduki peperiksaan pada ketiga-tiga semester **STPM 2024**.

Bilangan Calon Mengikut Aliran

3. Dari segi **kehadiran** mengikut **aliran**, bilangan calon aliran **Sains Sosial** yang hadir adalah seramai **38,869** calon atau **93.81 peratus**,

manakala bilangan calon aliran **Sains** yang hadir adalah seramai **2,565** calon atau **6.19 peratus**.

4. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon **mendaftar** yang **tertinggi**, iaitu seramai **42,852** calon.

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON

5. Sukacita dimaklumkan bahawa **PNGK Nasional STPM 2024** telah **meningkat sebanyak 0.01 mata** berbanding tahun lepas, iaitu dari **2.84** pada tahun 2023 kepada **2.85** pada tahun 2024. PNGK Nasional pada tahun ini juga merupakan **PNGK Nasional tertinggi** sejak dilaksanakan peperiksaan STPM.
6. Sebanyak **1,266** calon atau **3.06** peratus calon telah mendapat **PNGK 4.00**. Bilangan calon ini telah meningkat seramai **150** calon berbanding tahun 2023.
7. Dari segi pencapaian PNGK calon, secara keseluruhannya didapati **bilangan longgokan** dan **peratusan longgokan** calon **STPM 2024** pada **PNGK 3.75**, **PNGK 3.00**, **PNGK 2.75**, dan **PNGK 2.00** telah **meningkat** berbanding tahun 2023.
8. Dengan **peningkatan** bilangan calon pada PNGK yang telah disebut ini, maka Insya-Allah, lebih ramai calon lepasan STPM 2024 diterima masuk ke Universiti Awam.

CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN

9. Pada tahun 2024, bilangan calon yang mendapat **5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil** telah **MENINGKAT** daripada 41 calon dalam peperiksaan STPM 2023 kepada **53 calon**.
10. Manakala, bilangan calon yang mendapat **4A** juga telah **MENINGKAT** daripada **1,087** calon pada tahun 2023 kepada **1,228 calon**.

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

11. Dalam peperiksaan STPM, **lulus penuh** adalah daripada **gred C ke gred A**, lulus sebahagian adalah antara **gred C- ke gred D**, dan gagal adalah pada **gred F**.
12. **Peratusan calon** STPM 2024 yang mendapat **lulus penuh** dalam **lima dan empat mata pelajaran** berbanding STPM 2023 didapati telah **MENINGKAT** sedikit, iaitu sebanyak **0.70** peratus atau **201 calon**, iaitu daripada **75.85** peratus atau **31,516** calon pada tahun 2023 kepada **76.55** peratus atau **31,717 calon** pada tahun 2024.

BILANGAN CALON LAYAK MENDAPAT SIJIL STPM 2024

13. Daripada **41,434** calon yang hadir, seramai **99.97 peratus** atau **41,422 calon** layak dianugerahkan Sijil STPM 2024. Syarat layak untuk mendapatkan Sijil STPM ialah calon mesti memperoleh **lulus sebahagian sekurang-kurangnya dalam satu mata pelajaran**.

PRESTASI MATA PELAJARAN

14. Secara keseluruhannya, **kesemua 23 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2024 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 60 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
15. **Empat mata pelajaran** telah menunjukkan **peningkatan melebihi 3 peratus** dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2023, iaitu mata pelajaran **Ekonomi, Chemistry, Mathematics (M), dan Perakaunan**, manakala tiada **mata pelajaran** yang menunjukkan **penurunan** melebihi negatif 3 peratus.
16. **19 mata pelajaran** STPM lain tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang Lulus Penuh antara tahun 2024 dengan 2023 adalah kurang daripada 3 peratus.

PENETAPAN STANDARD

17. Seperti yang tercatat di belakang Sijil STPM, standard STPM adalah setara dengan GCE A-Level kelolaan Cambridge University Press and Assessment, United Kingdom dan standard STPM sentiasa dipantau oleh **Cambridge University Press and Assessment, United Kingdom** melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM.

18. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2024 akan dikeluarkan pada hari ini, Selasa, 24 Jun 2025 bermula jam 11.30 pagi melalui kaedah yang berikut seperti mana yang tertera di **portal** dan **Facebook MPM**, iaitu:

- (i) secara dalam talian di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK>; dan/atau
- (ii) secara **sistem pesanan ringkas (SMS)**

PELAJAR TERBAIK KEBANGSAAN STPM 2024

19. Sukacita dimaklumkan bahawa dalam peperiksaan STPM 2024, MPM telah memilih **20 pelajar STPM terbaik kebangsaan** mengikut kategori untuk diberikan anugerah berupa wang tunai bernilai RM1,000, plak, dan sijil dari MPM. Kategori pelajar terbaik kebangsaan STPM 2024 tersebut adalah seperti berikut.

- A. **Lapan (8) pelajar terbaik kebangsaan (Aliran Sains)**
- B. **Lapan (8) pelajar terbaik kebangsaan (Aliran Sains Sosial)**
- C. **Seorang pelajar terbaik kebangsaan kategori Orang Asli**
- D. **Tiga (3) Pelajar terbaik kebangsaan kategori Calon Berkeperluan Pendidikan Khas**
 - (i) **Spastik** (seorang)
 - (ii) **Penglihatan Buta** (seorang)
 - (iii) **Penglihatan Rabun** (seorang)

20. MPM juga akan memberikan anugerah kepada **seorang** pelajar terbaik ***Malaysian University English Test (MUET)*** Tahun 2024 dan seorang pelajar terbaik **Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warganegara Asing (SKBMW)** Tahun 2024.
21. Sebagaimana pada tahun 2023, pada tahun ini juga, **Persatuan Sejarah Malaysia** akan menyumbangkan **Anugerah Pelajar Terbaik Mata Pelajaran Sejarah** kepada **seorang** pelajar STPM 2024.
22. Pada tahun ini juga, bagi menarik minat lebih ramai calon mengambil bahasa Cina, maka **Persatuan Kemajuan Bahasa Cina Malaysia** akan memberikan **Anugerah Pelajar Terbaik Mata Pelajaran Bahasa Cina** kepada **seorang** pelajar STPM 2024. Diharapkan inisiatif seperti ini akan turut diikuti oleh persatuan akademik yang lain bagi menarik minat calon untuk mengambil STPM.
23. Pada tahun ini juga, **Kementerian Pendidikan Malaysia** dan **MPM** akan memberikan anugerah kepada kepada Pusat Tingkatan Enam yang mendapat pencapaian **Gred Purata Pusat Tingkatan Enam terbaik** yang mempunyai bilangan calon sekurang-kurangnya 40 orang mengikut kategori yang berikut:
 - (a) **Satu (1) Kolej Tingkatan Enam** yang mendapat Gred Purata Kolej Tingkatan Enam tertinggi yang akan menerima sumbangan sebanyak **RM10,000.00**;
 - (b) **Satu (1) Pusat Tingkatan Enam dalam kalangan** Pusat Tingkatan Enam mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam mod 3 yang mendapat Gred Purata Pusat Tingkatan Enam

- tertinggi** yang juga akan menerima sumbangan sebanyak **RM10,000.00**; dan
- (c) **12 Pusat Tingkatan Enam terbaik dalam kalangan Kolej Tingkatan Enam, Pusat Tingkatan Enam mod 2, dan Pusat Tingkatan Enam mod 3** yang akan menerima sumbangan sebanyak **RM5,000.00**.
24. Insya-Allah, sebentar lagi anugerah ini akan disampaikan oleh **Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek.**
- ## PENUTUP
25. MPM akan meneruskan kolaborasi dengan **Cambridge University Press and Assessment, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM terus diiktiraf setaraf dengan GCE A-Level yang dikelolakan oleh Cambridge University Press and Assessment, United Kingdom serta diiktiraf di seluruh dunia. Sehubungan itu, calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti di dalam dan di luar negara.
26. Di samping itu, MPM akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment (IAEA), USA**, iaitu sebuah pertubuhan pentaksiran pendidikan antarabangsa bagi memastikan pentaksiran yang dilaksanakan oleh MPM seiring dengan perkembangan semasa pentaksiran pendidikan dunia.
27. MPM juga akan sentiasa memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian **Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934)**.

28. Bagi memastikan STPM sentiasa relevan dengan perkembangan semasa bagi memenuhi keperluan negara dan diiktiraf di peringkat antarabangsa, MPM telah melancarkan **Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM yang dimurnikan** untuk diguna pakai mulai kohort peperiksaan **STPM 2026**.
29. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan **STPM 2024, MUET 2024, dan SKBMW 2024**.
30. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM 2024.
31. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2025, diharapkan kejayaan calon STPM 2024 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.
32. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis yang mewakili Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada;
 - (a) YB Menteri Pendidikan, YB Fadhlina binti Sidek,
 - (b) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,
 - (c) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,
 - (d) Ahli-Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia,
 - (e) Ketua Eksekutif MPM,
 - (f) Warga MPM,
 - (g) Cambridge University Press and Assessment, UK,
 - (h) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,

- (i) Lembaga Peperiksaan,
 - (j) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi,
 - (k) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,
 - (l) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta,
 - (m) Pengetua, guru, wakil industri,
 - (n) ibu bapa, calon, masyarakat, dan
 - (o) tidak ketinggalan juga kepada **pihak media** yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (*Malaysia Brand*) yang menjadi kebanggaan kita.
33. Dengan naiknya PNGK Nasional pada tahun ini dan dengan reputasi STPM yang diiktiraf di persada antarabangsa dari segi standard serta kualitinya, saya dengan ini menyeru agar lebih ramai murid SPM mengambil STPM sebagai pilihan utama.

Akhir kata tahniah sekali lagi kepada penerima anugerah dan tahniah kepada MPM kerana telah berjaya mengelolakan peperiksaan STPM dengan jayanya sejak tahun 1982. Sekali lagi **“Syabas MPM”** dan **“Syabas Malaysia”**.

Sekian, terima kasih.

YBHG. PROFESOR DATO' DR. MD AMIN BIN MD TAFF
Pengerusi Majlis
Majlis Peperiksaan Malaysia
yang juga
Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

24 JUN 2025

Lampiran

Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2023 dan Peperiksaan STPM 2024

Bil.	Pencapaian Calon	Tahun		Beza	
		2023	2024	%	Bil. Calon
1	PNGK Nasional	2.84	2.85	+0.01	-
2	PNGK 4.00	2.69% (1,116 calon)	3.06% (1,266 calon)	+0.37	+150
3	PNGK 3.75 dan ke atas	10.00% (4,153 calon)	10.71% (4,438 calon)	+0.71	+285
4	PNGK 3.00 dan ke atas	44.82% (18,621 calon)	44.97% (18,633 calon)	+0.15	+12
5	PNGK 2.75 dan ke atas	58.79% (24,428 calon)	58.96% (24,429 calon)	+0.17	+1
6	PNGK 2.00 dan ke atas	90.08% (37,428 calon)	90.10% (37,333 calon)	+0.02	-95
7	Peratusan calon yang mendapat 5A dan 4A	2.71% (1,128 calon)	3.09% (1,281 calon)	+0.38	+153
8	Peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam <u>lima dan empat</u> mata pelajaran (gred C dan ke atas)	75.85% (31,516 calon)	76.55% (31,717 calon)	+0.70	+201
Bil. Calon Hadir		41,548	41,434	-0.27	-114
Bil. Calon Daftar		42,908	42,861	-0.11	-47

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 28 Mei 2025)

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian Malaysian University English Test (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah MUET on Demand (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment, United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah diseajarkan dengan The Common European Framework of Reference for Language (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

+603 - 6126 1600

+603 - 6136 1488

ceo@mpm.edu.my